

## Dalam Negeri

### Felda Wellness meterai MoU dengan lima syarikat bertaraf antarabangsa

SAN DIEGO (California) 27 Jun - Felda Wellness Corporation (FWC), anak syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan lima syarikat bertaraf antarabangsa dalam usahanya untuk muncul sebagai pemain utama dalam industri kesihatan.

Majlis pertukaran MoU itu melibatkan lima syarikat termasuk syarikat BioNexus ialah Gordagen Pharmaceuticals, Malaysian Genomics Resource Centre Berhad. (MGRC), Seeloz Inc, Naerok Resourced Co. Ltd. dan Neopeutics Inc.

**HASNURUL MOHAMED**

Melaporkan dari  
SAN DIEGO, CALIFORNIA



Majlis memeterai MoU itu diadakan di sesi Malaysia Partnering Day, hari terakhir Persidangan Antarabangsa Bio 2014.

Majlis disaksikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya; Timbalan Ketua Menteri

Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu; Ketua Pegawai Operasi BioTechCorp Malaysia, Datuk Mohd. Nazlee Kamal, Setiausaha Bahagian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Bahagian Bioteknologi Kebangsaan, Datuk Dr. Mohd. Jamil Maah dan Penasihat Komunikasi Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Farid Ridzuan.

Turut diadakan prapelancongan FWC Formulae iaitu jenama kesihatan terapi yang akan membentuk komponen utama dalam produk FWC pada masa depan. Produk ini merupakan kerjasama FWC dengan Neopeutics.

Selain pertukaran MoU FWC den-

gan lima syarikat berkenaan, pada majlis yang sama turut menyaksikan dua pertukaran MoU melibatkan syarikat BioNexus, Algae International Bhd. dan Nutrigae Inc serta Sengenics Sdn. Bhd. dengan Collabrx Inc.

Ketua Pegawai Eksekutif FWC, Mohd. Nasir Shafion berkata, kerjasama yang dijalinakan bersama syarikat antarabangsa termasuk syarikat BioNexus dilihat sebagai satu alternatif untuk membawa Felda keluar daripada kepompong pertanian.

"Selama 56 tahun imej Felda sebagai pertanian dan peneroka.

Sudah tiba masanya kejayaan yang dikecapi oleh Felda sejak sekian lama itu dianjakkan kepada perubahan agro (agroceutical) sebagai satu tambah nilai kepada Felda secara keseluruhan.

"Kita juga mahu menjana pendapatan Felda. Oleh itu dalam tempoh 20 tahun akan datang, nilai pelaburan Felda dapat mencecah AS\$100 bilion (RM321.24 bilion) setahun berbanding AS\$40 bilion (RM128.55 bilion) setahun, sekarang," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang sama, Timbalan Pengarah Besar Sumber Strategik Felda,

Muhammad Sufi Mahbub pula berkata, pemeteraian MoU hari ini turut menyumbang kepada peluang pekerjaan terhadap penduduk Felda.

"Menerusi program Mega Transformasi BluePrint kita menjangkakan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada 2.5 juta generasi muda Felda pada masa akan datang.

"Ini kerana Felda juga dilihat sebagai 'satu negara di dalam sebuah negara'," katanya.

Beliau menambah, menjelang tahun 2056 sebanyak 317 tanah rancangan dapat dibuka dengan 300 peneroka global. - UTUSAN